

GARIS PANDUAN

**ANUGERAH INOVASI SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

1. TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk **membantu murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Negeri Perak** khususnya yang berminat untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai **Anugerah Inovasi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah (AISR dan AISM) Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2025**. GP ini menggariskan syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AISR dan AISM Tahun 2025.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan budaya inovasi di kalangan murid-murid;
- 2.2 Membangunkan kemahiran berfikir secara inovatif agar dapat diterapkan dalam setiap modul pembelajaran seperti kerja kursus, latihan, bengkel mahupun sesi pembelajaran;
- 2.3 Mengenalpasti dan memperkenalkan hasil-hasil inovasi di kalangan murid-murid yang boleh dicontohi khususnya dalam inovasi sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).
- 2.4 Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
- 2.5 Menggalakkan murid-murid melaksanakan pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan berimpak di sekolah masing-masing;

- 2.6 Menyemarakkan persaingan sihat di kalangan warga sekolah/ pendidikan ke arah memperbaiki amalan pengurusan organisasi keseluruhan; dan
- 2.7 Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan atau dicipta oleh murid-murid.

3. HADIAH PENGHARGAAN

Pemenang AISR dan AISM Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 akan menerima hadiah;

PERTAMA	Wang Tunai RM10,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
KEDUA	Wang Tunai RM8,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
KETIGA	Wang Tunai RM5,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan

4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua murid sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah kelolaan **Jabatan Pendidikan Negeri Perak** sahaja dengan **maksimum satu (1) penyertaan bagi setiap sekolah** yang telah disahkan oleh **Guru Besar/ Pengetua** masing-masing;
- 4.2 Pertandingan ini terbuka kepada dua (2) kategori:
 - a) Sekolah Rendah (Murid tahun 4 hingga 6)
 - b) Sekolah Menengah (Murid tingkatan 1 hingga 5)
- 4.3 Hanya **SATU (1)** projek bagi setiap bidang sahaja yang akan mewakili setiap sekolah yang menyertai pertandingan.
- 4.4 Setiap penyertaan terdiri daripada tiga (3) orang murid dan seorang (1) guru pembimbing.
- 4.5 Semua murid yang menyertai mestilah Warganegara Malaysia.

- 4.6 Bidang yang dipertandingkan ialah:
- Sains (Fizik, Kimia, Biologi) atau Sains Alam Sekitar
 - Teknologi (Robotik / Sains Komputer)
 - Kejuruteraan (Rekacipta Kejuruteraan)
 - Matematik
- 4.7 Setiap projek inovasi juga diwajibkan untuk memilih mana-mana satu (1) tema Sustainable Development Goals (SDG) yang dicadangkan di bawah.
- Goal 3: Good health and well-being*
 - Goal 4: Quality education*
 - Goal 6: Clean water and sanitation*
 - Goal 7: Affordable and clean energy*
 - Goal 9: Industry, innovation, infrastructure*
 - Goal 11: Sustainable cities and communities*
 - Goal 12: Responsible consumption, production*
 - Goal 13: Climate action*
- 4.8 Satu projek penyelidikan hanya dibenarkan menyertai satu bidang sahaja. Jika projek yang sama didaftarkan lebih daripada satu bidang maka penyertaan projek tersebut akan dibatalkan.
- 4.9 Peserta diminta untuk menyediakan dua (2) salinan kertas projek atau penyelidikan dan dibawa ke tempat pertandingan.
- 4.10 Setiap kertas projek atau penyelidikan perlu disertakan bersama salinan abstrak/ ringkasan projek (abstrak/ ringkasan projek tidak melebihi 250 patah perkataan dan hendaklah ditulis dalam satu muka surat kertas bersaiz A4).

- 4.11 Abstrak/ Ringkasan projek perlu dihantar semasa pendaftaran penyertaan.
- 4.12 Permohonan penyertaan AISR dan AISM 2025 hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang disediakan oleh urus setia seperti di **LAMPIRAN A1- AISR/ LAMPIRAN A2- AISM**.
Satu (1) borang bagi satu projek inovasi yang ingin dipertandingkan;
- 4.13 Projek Inovasi mestilah **asli**, dan **tidak pernah dikomersialkan**. Projek Inovasi yang telah dipertandingkan dan memenangi sebarang anugerah boleh menyertai dengan syarat projek tersebut telah diubahsuai atau ditambah baik;
- 4.14 Projek Inovasi yang **tidak layak menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi** ialah;
- 4.14.1 Projek Inovasi yang telah memenangi mana-mana pertandingan **di peringkat kebangsaan** atau setaraf atau lebih tinggi anjuran agensi dalam negara atau luar negara pada tahun ini atau tahun-tahun sebelumnya; dan
- 4.14.2 Projek yang dibangunkan menggunakan peruntukan/ dana/ geran yang berkaitan penyelidikan (R&D).
- 4.15 Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat **Inovasi Penciptaan** iaitu penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah lagi dilaksanakan di Malaysia atau **Inovasi Penambahbaikan** (melibatkan penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah inovatif);

- 4.16 Bilangan ahli bagi setiap kumpulan yang mengambil bahagian adalah **minimum seramai dua (2) orang murid dan seorang (1) guru pembimbing dan maksima empat (4) orang murid dan seorang (1) guru pembimbing dalam satu kumpulan;**
- 4.17 Tarikh tutup penyertaan ditetapkan pada **15 JULAI 2025.**
- 4.18 Tiada sebarang yuran penyertaan dikenakan;
- 4.19 Pihak urus setia akan menyenarai pendek **20 penyertaan terbaik daripada Sekolah Rendah dan 20 penyertaan terbaik daripada Sekolah Menengah** untuk bertanding pada penilaian peringkat akhir yang akan diadakan secara bersemuka pada bulan **September 2025** (tertakluk pada pindaan). Peserta yang tidak hadir semasa sesi penjurian akhir tanpa sebab atau alasan yang dibenarkan oleh pihak urus setia induk di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dianggap terbatal secara serta-merta;
- 4.20 Projek/ Hasil Ciptaan Inovasi yang terpilih akan didaftarkan di bawah nama Kerajaan Negeri Perak dan menjadi hak cipta Kerajaan Negeri Perak. Pembayaran bagi pendaftaran hak cipta tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak serta 10 peratus hasil pengkomersialan (sekiranya ada) perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak; dan
- 4.21 Keputusan Panel Penilai bagi AISR dan AISM Tahun 2025 adalah **MUKTAMAD.**

5. FORMAT PENULISAN LAPORAN (AISR DAN AISM) PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

5.1 Pengenalan

5.1.1 Penerangan mengenai sekolah

- Latar belakang sekolah
- Maklumat lain berkaitan

5.1.2 Pengenalan mengenai inovasi

- Tujuan Projek Inovasi
- Objektif Projek/ Inovasi
- Proses Pelaksanaan Inovasi (Nyatakan dibuat *in-house* atau *outsourced*)
- Tempoh Pelaksanaan
- Implikasi Kewangan (Jika ada)
- Kaedah Pencetusan Idea
 - Pengurusan atasan; dan
 - Warga kerja/ guru/ murid
- Elemen Kolaborasi (jika ada)
- Kategori Inovasi
- Indikator Inovasi
- Input pelanggan diambil kira dalam peringkat penghasilan inovasi
 - Peringkat Akhir
 - Peringkat Pertengahan
 - Permulaan
 - Semua Peringkat

- Mekanisme maklum balas pelanggan (*Facebook, Twitter, WhatsApp, Instagram, e-mel, forum dan lain-lain*)

5.2 Impak sebelum dan selepas inovasi dihasilkan

Perbandingan mengenai kaedah/ sistem yang digunakan, masalah-masalah yang dihadapi, carta alir kerja sebelum dan selepas inovasi dihasilkan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

5.3 Impak Inovasi

- Sekolah
- Murid
- Guru
- Kumpulan Sasar (Contoh: Ibu bapa)

5.4 Elemen Inovasi

5.4.1 Inovatif/ Kreativiti

- Penciptaan nilai/ elemen baru/ tambah baik
- Elemen mempermudah/ penyelesaian masalah
- Lain-lain berkaitan

5.4.2 Keberkesanan

- Gambaran faedah nyata diperolehi
- Peningkatan produktiviti/ kepuasan
- Penjanaan pendapatan (sekiranya berkaitan)

5.4.3 Signifikan

- Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan/ menambah kualiti penyampaian PdP
- Penjimatan masa/ kos/ sumber manusia/ mudah digunakan/ tingkat produktiviti
- Sejauh mana ia memenuhi objektif kepada perkhidmatan awam/ organisasi/ sekolah

5.4.4 Relevan

- Sumbangan kepada agenda organisasi/ nasional
 - Sumbangan kepada pembentukan ekonomi nilai tinggi
 - Penjimatan hasil yang ketara
 - Penjanaan hasil yang ketara
 - Kolaborasi unik dengan rakyat
 - Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas

5.5 Pengiktirafan Diterima (sekiranya ada)

5.5.1 Peringkat Sekolah/ Daerah

5.5.2 Peringkat Negeri

5.5.4 Peringkat Kebangsaan

5.5.4 Peringkat Antarabangsa

5.6 Penutup

Rumusan terhadap laporan.

5.7 Format Dokumentasi Projek Inovasi

Format tulisan hendaklah menggunakan **font Arial dengan saiz 12, line spacing 1.5 dan portrait orientation** dan penggunaan **Bahasa Melayu sahaja.**

6. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AISR DAN AISM PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

- 6.1 Tapisan atau pemilihan oleh pihak urus setia bagi memastikan calon memenuhi **syarat kelayakan penyertaan;**
- 6.2 Panel Penilai akan membuat penilaian ke atas dokumentasi serta video yang diterima dan mengesyorkan senarai pendek sekolah (projek/ inovasi) yang layak untuk ke peringkat seterusnya;
- 6.3 Peserta yang telah di senarai pendek akan dijemput **menghadiri Sesi Pembentangan dan Penilaian Akhir AISR dan AISM 2025 pada bulan September 2025 (tertakluk kepada pindaan) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;** dan
- 6.4 Pemenang AISR dan AISM Tahun 2025 akan diumumkan semasa Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 pada **bulan Oktober 2025.**
- 6.5 Hanya **Johan** setiap kategori yang memperoleh penilaian markah **80 peratus dan ke atas** sahaja yang layak untuk dipertandingkan/ menyertai **Anugerah Inovasi Menteri Besar Tahun 2025.**

**7. SKALA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN AISR DAN AISM 2025
PERINGKAT NEGERI PERAK**

BIL.	TUMPUAN PENILAIAN	KRITERIA	MARKAH
1.	IDEA	<p><u>KREATIVITI</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aplikasi STEM Pengetahuan dan prinsip sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) • Keaslian Inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli • Adaptasi (dengan penambahbaikan/pengubahsuaian) Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada 	25
2.	HASIL INOVASI (Output)	<p><u>TAHAP PELAKSANAAN</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti yang berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Secara penuh (melempi peringkat percubaan) • Secara percubaan (diperingkat prototaip) 	10

BIL.	TUMPUAN PENILAIAN	KRITERIA	MARKAH
		<p><u>REPLICABILITY</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri replicability seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Boleh dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat. • Terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh sekolah-sekolah lain. • Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan dengan kos yang berpatutan. <p><u>KEISTIMEWAAN PRODUK</u></p> <p>i. Kolaborasi ii. Patent / Daftar myIPO</p>	10
3.	IMPAK (Outcome)	<p><u>SIGNIFIKAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemikiran saintifik/ matlamat kejuruteraan • Sumbangan kepada keperluan dan kemandirian pembangunan masyarakat • Kesan kepada kualiti alam sekitar dan masyarakat <p><u>TAHAP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tinggi (impak kepada masyarakat); atau • Sederhana (impak kepada organisasi); atau • Rendah (impak kepada murid/ guru) 	20
		<p><u>EFISIEN</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjimatan masa • Penjimatan kos • Penggunaan Sumber Manusia secara optimum • Mudah digunakan (<i>user-friendly</i>) 	10

4.	KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN	<p>Komitmen dalam sumber manusia:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan percambahan inovasi di kalangan murid. • Mengiktiraf murid yang menghasilkan inovasi. <p>Komitmen dalam pengurusan kewangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bajet sedia ada dalam penghasilan inovasi. • Menilai inovasi mempunyai unsur <i>value for money</i> untuk pulangan yang optimum. <p>Komitmen dalam peralatan:</p> <p>Bantuan dari segi peralatan untuk menghasilkan inovasi</p>	5
5.	PERSEMBAHAN	<p>Penilaian terhadap persembahan projek yang dibentangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan laporan <ol style="list-style-type: none"> Abstrak Pengenalan dan sorotan kajian (<i>literature review</i>) Metodologi Hasil Kajian Perbincangan dan kesimpulan • Persembahan projek <ol style="list-style-type: none"> Kemahiran penyampaian Kemahiran Sainifik Kemahiran interaksi dan menjawab soalan Personaliti keseluruhan 	20
JUMLAH			100

8. TATACARA PERMOHONAN

Calon yang ingin menyertai AISR dan AISM 2025 Peringkat Negeri Perak perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- 8.1 Memuat naik pautan *google drive* yang mengandungi video projek dan laporan projek (format.pdf.) melalui pautan *google form* yang disediakan oleh urus setia sebelum atau selewat-lewatnya pada **15 JULAI 2025**;
- 8.2 Laporan lengkap hendaklah maksima 50 muka surat termasuk lampiran gambar menggunakan format seperti di para **5.1.6**;
- 8.3 Peserta boleh mengemukakan video persembahan berdurasi 5-10 minit dalam bentuk landskap. **Pautan video sahaja yang perlu dihantar kepada penganjur**;
- 8.4 Kandungan video mestilah menepati kriteria seperti di **para 7**;
- 8.5 Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan AISR dan AISM Tahun 2025, tuan/ puan boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

**PEJABAT UNIT PEMBANGUNAN BAKAT MURID (KOKURIKULUM),
SEKTOR PEMBANGUNAN MURID,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK.
URUS SETIA PERTANDINGAN INOVASI**

Nama : Mohd E'fa bin Khadri

No. Tel : 05-2423727 (samb. 24)/ 018-5778433

E-mel : efa.khadri@moe.gov.my

**BORANG PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI SEKOLAH RENDAH (AISR)
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

PROJEK INOVASI	
Tajuk Projek Inovasi	
Projek siap dan dilaksanakan mulai:	
Projek Inovasi ini pernah/ tidak dipertandingkan dalam mana-mana anugerah inovasi. (sekiranya ada sila nyatakan Nama Pertandingan, Tahun Penyertaan dan Pencapaian)	
Ringkasan projek (Maksimum 100 patah perkataan sahaja)	
MAKLUMAT SEKOLAH	
Nama Sekolah	
Nama Kumpulan	
Nama Ahli Kumpulan	1.
	2.
	3.
	4.
MAKLUMAT GURU YANG BOLEH DIHUBUNGI	
Nama	
Jawatan	
No.Tel Pejabat	
No. Tel Bimbit	
E-mel	
PENGESAHAN KETUA JABATAN	
<p>Saya mengesahkan bahawa Jabatan/ Agensi/ Sekolah yang dinamakan di atas bersetuju menyertai pertandingan ini.</p> <p>Tandatangan Guru Besar/ Pengetua Cop Sekolah</p> <p>Tarikh:</p>	

**BORANG PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI SEKOLAH MENENGAH (AISM)
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

PROJEK INOVASI	
Tajuk Projek Inovasi	
Projek siap dan dilaksanakan mulai:	
Projek Inovasi ini pernah/ tidak dipertandingkan dalam mana-mana anugerah inovasi. (sekiranya ada sila nyatakan Nama Pertandingan, Tahun Penyertaan dan Pencapaian)	
Ringkasan Projek (Maksimum 100 patah perkataan sahaja)	
MAKLUMAT SEKOLAH	
Nama Sekolah	
Nama Kumpulan	
Nama Ahli Kumpulan	1.
	2.
	3.
	4.
MAKLUMAT GURU YANG BOLEH DIHUBUNGI	
Nama	
Jawatan	
No. Tel. Pejabat	
No. Tel. Bimbit	
No. Faks	
E-mel	
PENGESAHAN KETUA JABATAN	
Saya mengesahkan bahawa Jabatan/ Agensi/ Sekolah yang dinamakan di atas bersetuju menyertai pertandingan ini.	
Tandatangan Guru Besar/ Pengetua	Cop Sekolah
Tarikh:	